



Nik Sapeia Nik Yusoff

Nik Sapeia tak mengaku sembur mata Dr Mahathir

KOTA BHARU. Ahli perniagaan, Datuk Nik Sapeia Nik Yusoff, 53, tidak mengaku salah di Mahkamah Majistret di sini semalam, terhadap tuduhan menyembur bahan pemedih mata pada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 28 Julai lalu.

Dia dituduh sengaja menyebabkan kecederaan terhadap empat orang termasuk Dr Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pangkalan Chepa, kira-kira 11 pagi.

Tiga lagi yang menjadi mangsa ialah bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali, Mohd Nasir Muda dan Suberi Sahidan.

Pertuduhan itu dibacakan bersama empat pertuduhan lain dengan kesalahan yang sama di tempat, tarikh dan waktu yang sama, masing-masing dilakukan ke atas Ibrahim, Mohd Nasir, Suberi dan Dr Mahathir.

Nik Sapeia minta dibicarakan sebaik mendengar satu pertuduhan utama dan empat pertuduhan pilihan yang dibacakan kepadanya secara berasingan selepas dikemukakan Timbalan Pendakwa Raya, Shahidani Abd Aziz.

Majistret Tengku Amalin A'Is-hah Putri Sultan Ismail Petra mendengar kes itu, manakala tertuduh diwakili peguam, Zainal Abidin Mustaffa dan Ilias Mohd Nor.

22 November sebutan semula

DARI MUKA 1

Pendakwa menawarkan ikat jamin RM10,000 sebelum peguam bela tertuduh memohon dikurangkan kepada RM7,000 dengan alasan ia membabitkan kes saman.

Tengku Amalin A'Ishah Putri kemudian membenarkan Nik Sapeia diikat jamin RM8,500 dengan seorang penjamin bagi semua pertuduhan itu. Dia dijamin anak lelakinya, Nik Fatani yang hadir bersama keluarga.

Majistret turut menetapkan 22 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes itu.

Nik Sapeia yang berkot dan seluar hitam, tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah Kota Bharu pada jam 3.55 petang semalam dengan menaiki sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) bersama isteri dan dua anaknya.

Kira-kira 20 rakan serta ahli keluarga hadir menemaninya.